

Sektor perniagaan terkesan

Maklumat
Kementerian
Pelancongan
dapati jumlah
pendapatan
sektor turun

BH - 9/2/2020 (M/s 6)

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my



Dr Wan Azizah mempengerusikan Mesyuarat Khas High Level Committee (HLC) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Berhubung Kluster Penyakit Novel Coronavirus (2019-nCoV) di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo.

(Foto BERNAMA)

Putrajaya: Sektor perniagaan di negara ini mengalami tempias daripada penularan coronavirus baharu (2019-nCoV), kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bagaimanapun kerajaan setakat ini tidak menerima aduan atau laporan rasmi berhubung impak jangkitan berkenaan terhadap perniagaan tempatan.

Katanya, penelitian umum mendapati industri perhotelan, perusahaaan kecil dan sederhana (PKS) serta rumah inap berdepan kekurangan pelanggan.

“Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pelancongan, jumlah pendapatan dari segi pe-

lancongan menurun daripada RM230,000 kepada RM41,000 disebabkan 2019-nCoV,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Situasi Terkini Coronavirus (2019-nCoV) di Kementerian Kesihatan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah.

Sehingga semalam, tujuh disahkan positif 2019-nCoV, 84 negatif, manakala lima kes masih

menunggu pengesahan.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan tidak bercadang mengenakan sekatan terhadap semua pelawat warganegara China kecuali dari Wilayah Hubei, termasuk bandar Wuhan sebagai langkah mencegah 2019-nCoV.

Menurut beliau, tiada keperluan untuk membuat sekatan perjalanan menyeluruh.

Katanya, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) turut meminta supaya negara tidak menyekat sepenuhnya kemasukan warga-

negara China meskipun WHO mengumumkan coronavirus baharu sebagai darurat kesihatan awam global.

“Di Malaysia, coronavirus masih dalam keadaan terkawal dan kita tidak mahu ia memberi kesan negatif kepada kepada ekonomi negara.

“Kerajaan sentiasa bersedia sedia untuk bertindak mengikut keperluan dan memantau pintu masuk negara bagi mengawal penularan coronavirus,” katanya.